



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 14 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PELAN PULANGAN PADI BERGANDA SUNTIK INSPIRASI PETANI SABAH – PETANAH, BERNAMA -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2020	BERNAMA	ONLINE	

## Pelan pulangan padi berganda suntik inspirasi petani Sabah - Petanah



KOTA KINABALU, 14 Nov -- Rancangan kerajaan negeri untuk menggandakan hasil padi di Tambunan menjelang tahun depan telah menyuntik inspirasi dan motivasi kepada petani, kata Presiden Persatuan Petani dan Penternak Bumiputera Sabah Gaibin Ransoi (Petanah).

Gaibin berkata Petanah menyokong penurun harga rancangan itu dan menambah ia sudah pasti menjadi petanda yang baik untuk akan datang, bagi petani di negeri ini.

Selepas Tambunan, rancangan itu sudah pasti akan diperluaskan ke daerah penanaman padi lain seperti di Tuaran, Keningau, Beluran, Papar, Kota Marudu dan Kota Belud," katanya dalam kenyataan di sini.

Pada 10 Nov, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey

Kitingan yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri berkata kerajaan negeri Sabah mahu pengeluaran padi di Tambunan ditingkatkan melalui tanaman berganda, penambahbaikan sistem pengairan dan pengenalan varieti baharu padi pada tahun depan.

Pada masa ini kebanyakannya penanaman padi di Tambunan masih berorientasikan sara hidup dengan pengeluaran tahunan sekitar 3.6 tan sehektar.

Gaibin berkata Jeffrey sudah pasti mengambil pendekatan yang terbaik untuk meningkatkan pengeluaran makanan dengan ketara di negeri ini yang masih banyak bergantung kepada import untuk keperluan beras.

Bagaimanapun, Gaibin berkata Petanah akan merayu agar perhatian turut diberikan oleh kementerian bagi menyokong pengeluaran padi bukit, yang turut menjadi amalan penting oleh petani Momogun.

"Padi bukit mempunyai kelebihan kerana ia tidak perlu diairi jadi kosnya lebih murah dan ia juga boleh ditanam berganda," jelasnya.

Gaibin berkata Petanah berharap akan diberi peranan dalam program pengeluaran makanan akan datang yang dilaksanakan dalam masa terdekat.

Sehubungan itu, Petanah akan mengemukakan idea dan cadangan mengenai cara meningkatkan pengeluaran makanan, tambahnya.

-- BERNAMA